



a761

PENDEKATAN METODE USULUDDIN ULAMA TRADISIONAL ABAD KE-20: SUATU KAJIAN TERHADAP KARYA TUAN GURU HAJI ABU BAKAR PALESTIN

SHOPUAN ANUAR BIN AHMAD

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2005**

Perpustakaan Universiti Malaya



A512500948

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

10 Mei 2005
1 Rabī' al-Akhīr 1426


.....
(SHOPUAN ANUAR BIN AHMAD)
No. Matrik: IGB00092

PENGHARGAAN

Kajian ini telah memerah segala kemampuan, kegigihan, kesabaran, doa dan harapan untuk memenuhi tanggungjawab intelektual.

Dalam merealisasikan amanah intelektual ini banyak pihak yang telah membantu khususnya penyelia saya, Y. Bhg. Prof Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali. Beliau banyak memberi tunjuk ajar dalam membuat kajian dan menyediakan tulisan ilmiah ini. Begitu juga dengan sahabat dan motivator saya Dr. Shukri bin Ahmad (UUM) yang pemurah dengan idea yang bernalas. Terima kasih kepada para responden yang membantu kajian ini. Di antara mereka yang dapat saya sebutkan ialah Hajah Zainab bt. Mohd Noor, isteri Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin yang banyak memberikan data-data kehidupan tokoh. Begitu juga dengan Tuan Haji Mahyudin bin Ahmad dan Hajah Rahmah bt. Mohd Amin, yang banyak membantu mendapatkan manuskrip karya tokoh yang ada berserakan pada beberapa tempat. Begitulah juga Hajah Cik bt. Saat yang memberikan keizinan meminjamkan gambar Tuan Guru Abu Bakar Palestin.

Tidak lupa sokongan dan doa di belakang tabir daripada emak, Hajjah Fatimah bt. Abdullah dan abah, Haji Ahmad bin Haji Amin serta isteri tercinta Nor Hasima bt. Che Hassan. Mudah-mudahan dengan terhasilnya kajian ini akan memberi perangsang dan semangat kepada anak-anak tersayang Nurushifa, Ahmad Anas, Muhammad Hatim, Muhammad Atef, Muhammad Adib dan Farah Hanim. Masih banyak nama yang tidak penyelidik catatkan. Sumbangan mereka amat besar erti bagi penyelidik. Kepada Allah dikembalikan segala kebaikan.

KANDUNGAN

Penghargaan	i
Jadual Kandungan	ii
Senarai Jadual dan Lampiran	v
Transliterasi	vi
Senarai Kependekan	vii
Abstrak	viii

Pendahuluan

1.0 Pengenalan	xi
2.0 Penyataan masalah	xiii
3.0 Objektif Kajian	xvi
4.0 Kepentingan kajian	xvi
5.0 Batasan kajian	xviii
6.0 Ulasan Karya	xix
7.0 Metodologi kajian	xxiii
8.0 Susunan penulisan	xxvii

Bab 1 : Abu Bakar Palestin : Suatu Pengenalan

1.0 Pendahuluan	1
2.0 Nama	5
3.0 Keturunan	6
4.0 Tarikh Dan Tempat Lahir	7
5.0 Keluarga	8
6.0 Keperibadian	9
7.0 Latarbelakang Pendidikan Dan Pengalaman	18
8.0 Membuka Pondok Dan Madrasah Nurul Islam	21
9.0 Kuliah Tafaqquh	26
10.0 Penglibatan Dalam Politik	28
11.0 Guru-Guru Abu Bakar	30
12.0 Murid-Murid Abu Bakar	32
13.0 Hasil Karya	34
14.0 Kesimpulan	36

Bab 2 : Hasil Karya Abu Bakar

1.0	Pendahuluan	39
2.0	Sifat Teksi	40
3.0	Karya-karya Abu Bakar Dalam Semua Bidang	46
3.1	Karya Usuluddin / Akidah	48
3.2	Karya Tasawuf	59
3.3	Karya Fekah	62
3.4	Karya Sirah	64
3.5	Karya Hadis	67
4.0	Kesimpulan	70

Bab 3 : Abu Bakar Dan Metodologi Karya Usuluddin

1.0	Pendahuluan	73
2.0	Metodologi Karya Usuluddin Abu Bakar	75
2.1	Metode Penulisan	75
2.2	Metode Sifat Dua Puluh	83
2.3	Metode Penghujahan	88
2.4	Bahasa	99
2.5	Rujukan	102
3.0	Kesimpulan	104

Bab 4 : Pemikiran Usuluddin Abu Bakar

1.0	Pendahuluan	107
2.0	Falsafah Ketuhanan	109
2.1	Ketuhanan	109
2.2	Kerasulan	115
2.3	Alam Akhirat	121
3.0	Pemikiran Aliran-Aliran Dalam Islam	123
3.1	Mu'tazilah	124
3.2	al-Asy'arī dan al-Asyā'irah	128
3.2.1	al-Asy'arī	129
3.2.2	al-Asyā'irah	131
3.3	al-Māturīdiyyah	137

3.4 al-Salafiyyah	140
3.4.1 al-Ḥanabilah	143
3.4.1.1 Aḥmad bin Ḥanbal	143
3.4.1.2 Ibn Taīmiyyah Dan Ibn Qayyim	146
3.4.2 Wahhābiyyah	150
3.5 Ahli Tasawuf	153
3.6 Ahli Falsafah Islam	157
3.7 Aliran-aliran Lain	158
4.0 Kesimpulan	162
Bab 5 : Penutup	164
Rujukan	179
Lampiran	xxxv

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru bahasa Malaysia. Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab, semuanya digunakan mengikut sistem *The Encyclopedia of Islam*, cuma beberapa perkataan tertentu seperti huruf

(ج) dieja dengan j, (ق) dieja dengan q dan (ش) dieja dengan sy.

Konsonan:

Arab	Rumi	Arab	Rumi
ء	a, '(Hamzah)	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	غ	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	ف	w
ش	sy	ى	y
ص	ṣ	ه	h
ض	ḍ		

Vokal Pendek:

_____ : a'

_____ : u

_____ : i

Vokal Panjang:

(أ) _____ : ai/ay

(ع) _____ : uw

(إ) _____ : aw

(ي) _____ : iy/iyy

Huruf ta' marbutah (ة) ditransliterasikan sebagai ha' (ه) atau ta' (ة). Keseluruhan ejaan adalah mengikut tulisan, tetapi terdapat pengecualian dalam beberapa keadaan dimana ia dieja mengikut bunyi.

Artikel:

ال : al-(al-Ibānah)

SENARAI KEPENDEKAN

‘a.s	‘alāyh al-salām
H	Hijrah
hlm.	Halaman
<i>ibid</i>	Dari perkataan <i>ibidem</i> yang bererti sama
<i>idem</i>	Penulis yang sama
M	Masehi
<i>op.cit</i>	Dari perkataan <i>opera citato</i> yang maksudnya adalah menurut sumber yang sudah dikutip
r.’a	Radiyā Allāh ‘anhу
r.h.	Rahimah Allāh
s.a.w	Salla Allāh ‘alāyh wa sallam
s.w.t	Subhānahu wa Ta‘ālā
t.p	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa tarikh
Terj.	Terjemahan
m.	Meninggal

Kitab-kitab karya Abu Bakar

1. <i>al-Wahīd</i>	<i>Kitāb al-Wahīd fī Bayān ‘Ilm al-Tawhīd</i>
2. <i>Tawhīd al-Abrār</i>	<i>Tawhīd al-Abrār bi Syarḥ Naẓam Muḥammad al-Bisyār</i>
3. <i>al-Fath al-Rabbānī</i>	<i>al-Fath al-Rabbānī Syarḥ Bakūrah al-Amāni</i>
4. <i>Jam’ al-Lāli</i>	<i>Jam’ al-Lāli bi Tawdīḥ Manzūmah Bada’ al-Amānī</i>
5. <i>Syarḥ al-Aqīdah</i>	<i>Syarḥ al-Aqīdah pada huraian naẓam al-Jawharah</i>
6. <i>Bidāyat al-Ābidīn</i>	<i>Bidāyat al-Ābidīn Hiya Ma'rifah Allāh Rabb al-Ālamīn</i>
7. <i>Sahl al-Murīd</i>	<i>Sahl al-Murīd bi Syarḥ al-Qawā'id al-Aqā'id</i>
8. <i>al-Aqīdah al-Ṣahīḥah</i>	<i>Syarḥ al-Aqīdah al-Ṣahīḥah fī Bayān al-Firq al-Nājiyah</i>
9. <i>Tawdīḥ al-Afshām</i>	<i>Tawdīḥ al-Afshām bi Syarḥ 'Aqīdah al-'Awwām</i>
10. <i>Sabil al-I'tiqādiyyāh</i>	<i>Sabil al-I'tiqādiyyāh bi Syarḥ Risālah al-Qudsīyyah</i>

ABSTRAK

Pendekatan Metode Usuluddin Ulama Tradisional Abad Ke-20: Suatu Kajian Terhadap Karya Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin

Ketokohan dan kehebatan intelektual Abu Bakar Palestin menjadi faktor terpenting beliau dipilih sebagai fokus kajian ini. Tujuan disertasi ini adalah untuk mengkaji metodologi atau *manhaj* usuluddin dan pemikiran Abu Bakar Palestin melalui karya-karya usuluddin beliau, di samping mengkaji latar belakang dan ketokohan Abu Bakar Palestin sebagai seorang tokoh ulama dan pengarang kitab yang berwibawa abad ke-20. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua metode iaitu kajian perpustakaan dan wawancara. Melalui kaedah pertama, pengkaji meneliti semua karya Abu Bakar dan secara khususnya karya usuluddin. Pengkaji menggunakan sumber perpustakaan bagi mendapatkan data-data yang berkenaan. Melalui kaedah kedua pula pengkaji mewawancara beberapa orang responden yang boleh memberi maklumat tentang latar belakang tokoh yang dikaji. Secara umumnya perbahasan dalam disertasi ini dibahagikan kepada lima bab utama dengan beberapa ceraian kecil pada setiap bab tersebut. Bab pertama akan menumpukan perbincangan kepada latar belakang tokoh yang meliputi nama, nasab, pengajian, pengalaman, kelebihan, karya dan lain-lain. Bab kedua pula akan menyentuh secara sepintas lalu hasil-hasil karya Abu Bakar dalam semua bidang seperti usuluddin, fekah, tasawuf, sirah, hadis dan politik. Manakala bab ketiga akan meneliti pendekatan karya usuluddin Abu Bakar dari sudut gaya penulisan, penghujahan, bahasa yang digunakan dan lain-lain. Dalam bab keempat pula pengkaji meneliti pemikiran usuluddin Abu Bakar tentang ketuhanan, kerasulan dan Alam Ghaib. Pengkaji juga menjelaskan pandangan beliau terhadap tokoh dan aliran yang lain. Bab kelima atau bab terakhir dalam disertasi ini adalah kesimpulan yang menjelaskan keseluruhan hasil kajian serta beberapa cadangan daripada pengkaji. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati Abu Bakar mempunyai kecenderungan terhadap *manhaj* Salaf yang mengutamakan nas al-Qur'an dan al-Hadith daripada hujah akal. Namun begitu dalam perbahasan akidah, beliau cenderung menggunakan pendekatan Asya'irah yang membahaskan akidah ketuhanan secara pendekatan Sifat Dua Puluh. Oleh itu, Abu Bakar tidaklah boleh dikatakan berfahaman Salaf sepenuhnya walaupun beliau mendakwa dirinya adalah Salaf.

ABSTRACT

Approach to Usuluddin Methodology of a Traditional Scholar in the 20th Century: A Probe into the Writings of Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestine

The intellectual charisma of Abu Bakar Palestine is the main factor that he is chosen as the focus subject in this research. This dissertation is intended to research the *usuluddin* methodology or *manhaj* of Abu Bakar Palestine through his writings. His background and credibility as a respectable scholar and writer of the twentieth century is also looked into. Specifically, this paper will meticulously research the methodology and thoughts that are brought up by the scholar. In producing this paper, the researcher has employed two methods to gather information that is through library research and interviews. Through the first method, the researcher has gone through all of Abu Bakar's writings, emphasis on his works on *usuluddin*. The researcher utilized library resources to gather relevant informations. Using the second method, the researcher has conducted interviews with several respondents who gave input on Abu Bakar's background. In general, this dissertation is divided into five main chapters with several subtopics in each chapter. The first chapter concentrates on discussions concerning background of the subject including his name, family tree (*nasab*), education, experiences, special capabilities, writings et cetera. The second chapter is a brief look into all of his writings in all areas including *usuluddin*, *fiqh*, *tasawuf*, *seerah*, *hadith* and politics. In the third chapter, Abu Bakar's *usuluddin* approach is looked at from various aspects such as the language used, the style of writing, methods of arguments and other related areas. In the fourth chapter the researcher probes specifically into Abu Bakar's *usuluddin* thoughts which include godliness, prophethood and the metaphysical world. The researcher also explains Abu Bakar's views on other scholars and schools of thoughts. The fifth or last chapter in this dissertation is the conclusion that clarifies and sums up the whole research. It ends with several suggestions that are deemed necessary. As the outcome of this study, the researcher finds that Abu Bakar was inclined to the *manhaj* of *Salafs* who preferred sources from al-Qur'an and al-Hadith rather than using reasonings (*aqli*) as the main basis for argument. However, in his arguments on *aqidah*, Abu Bakar is inclined to use the approach of *Asya 'irah* in discussing the "twenty virtues of Allah" (Sifat 20). Therefore Abu Bakar should not be categorized as a pure *Salaf* although he claimed to be one.

مختصر البحث

منهج أصول الدين للعلماء القدامى في القرن العشرين: دراسة في مؤلفات الشيخ أبي بكر الفلسطيني

فإن شخصية وموءهـلات العلمية الشيخ أبي بكر الفلسطيني هي الدافعـة الرئيسية التي تجعلـه محور الكلام والتركيز في هذه الـدراسة. هذه الـدراسة تستهدف في التـعـرـف على منهج أصول الدين الشـيخ أبي بـكر الـفلـسطـينـي و فـكـرـتـه من خـلـال مـوـلـفـاتـهـ. و القـاءـ النـظـرـ في خـلـفـياتـهـ الـبـاهـرـةـ كـوـنـهـ عـالـمـاـنـ عـلـمـاءـ هـذـهـ الـأـمـةـ وـمـؤـلـفـ الفـاذـةـ فيـ الـقـرـنـ الـعـشـرـينـ. كـانـ الـبـاحـثـ قدـ اـعـتـدـ عـلـىـ مـنـهـجـينـ وـهـمـاـ الـدـرـاسـةـ الـمـكـتـبـيـةـ وـالـمـقـابـلـةـ الـشـخـصـيـةـ. اـمـاـ فـيـ الـمـنـهـجـ الـأـوـلـ قدـ اـطـلـعـ الـبـاحـثـ عـلـىـ جـمـيعـ مـوـلـفـاتـ الشـيخـ أبيـ بـكرـ الـفـلـسطـينـيـ. وـكـانـ تـرـكـيـزـهـ فـيـ مـجـالـ أـصـولـ الـدـيـنـ عـلـيـ وـجـهـ الـخـصـوصـ. اـمـاـ فـيـ الـمـنـهـجـ الـثـانـيـ قدـ اـجـرـيـ الـبـاحـثـ الـمـقـابـلـاتـ معـ الـشـخـصـيـاتـ لـلـحـصـولـ عـلـىـ الـمـعـلـومـاتـ عـنـ خـلـفـياتـ الشـيخـ. وـبـشـكـلـ الـعـامـ اـنـقـسـمـ هـذـاـ الـبـحـثـ إـلـيـ خـمـسـةـ اـبـوابـ رـئـيـسـيـةـ وـلـكـلـ بـابـ تـنـدـرـجـ تـحـتـهـ عـدـةـ فـصـولـ. الـبـابـ الـأـوـلـ تـنـاوـلـ الـبـحـثـ عـنـ خـلـفـياتـ الشـيخـ أبيـ بـكرـ الـفـلـسطـينـيـ: اـسـمـهـ وـنـسـبـهـ وـدـرـاسـتـهـ وـخـبـرـتـهـ وـفـضـلـيـتـهـ وـمـوـلـفـاتـهـ وـغـيرـ ذـلـكـ. فـيـ الـبـابـ الـثـانـيـ تـحدـثـ الـبـاحـثـ بـايـجازـ عـنـ مـوـلـفـاتـ الشـيخـ أبيـ بـكرـ الـفـلـسطـينـيـ فـيـ جـمـيعـ الـمـجـالـ الـأـصـولـ الـدـيـنـ وـفـقـهـ وـتـصـوـفـ وـسـيـرـةـ وـحـدـيـثـ وـسـيـاسـةـ. اـمـاـ فـيـ الـبـابـ الـثـالـثـ بـداـ الـبـاحـثـ يـبـحـثـ حـولـ مـنـهـجـ تـالـيـفـ الشـيخـ أبيـ بـكرـ الـفـلـسطـينـيـ فـيـ أـصـولـ الـدـيـنـ مـنـ نـاحـيـةـ اـسـلـوـبـ وـحـجـجـهـ وـلـغـهـ وـغـيرـ ذـلـكـ. وـفـيـ الـبـابـ الـرـابـعـ يـرـكـزـ الـبـاحـثـ حـولـ رـأـيـ الشـيخـ أبيـ بـكرـ الـفـلـسطـينـيـ عـنـ الـأـلوـهـيـةـ وـالـنـبـوـةـ وـالـغـيـبـيـاتـ. ثـمـ يـوـضـعـ الـبـاحـثـ الرـأـيـ الشـيخـ عـنـ عـلـمـاءـ وـمـذاـهـبـ الـآـخـرـيـ. الـبـابـ الـخـامـسـ عـبـارـةـ عـنـ خـلـاصـةـ الـدـرـاسـةـ الـتـيـ وـصـلـ إـلـيـهـاـ الـبـاحـثـ فـضـلـاـ عـنـ اـنـهـ قـدـ طـرـحـ عـدـةـ مـقـرـحـاتـ فـيـ بـحـثـهـ. وـحـصـيـلـةـ هـذـهـ الـدـرـاسـةـ وـجـدـ الـبـاحـثـ أـنـ الشـخـصـيـةـ الـمـدـرـوـسـةـ قـدـ تـأـثـرـ بـمـنـهـجـ السـلـفـ الـذـيـ يـقـدـمـ النـصـوصـ الـنـقـلـيـةـ مـعـ النـصـوصـ الـعـقـلـيـةـ. مـهـماـ يـكـنـ مـنـ الـأـمـرـ فـانـ الشـيخـ أبيـ بـكرـ الـفـلـسطـينـيـ فـيـ الـوـقـتـ نـفـسـهـ قـدـ سـلـكـ طـرـيقـ الـخـلـفـ فـيـ الـكـلـامـ عـنـ الـوـهـيـةـ اللهـ حـيـثـ خـاصـوـهـاـ مـنـ خـلـالـ صـفـاتـ اللهـ الـعـشـرـينـ فـانـهـ لاـ يـمـكـنـ القـوـلـ بـاـنـ الشـيخـ مـنـ تـابـعـيـ السـلـفـ عـلـىـ الرـغـمـ اـدـاعـاهـ.

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Tidak ada lagi nabi atau rasul yang diutuskan selepas kewafatan Rasulullah kerana Nabi Muhammad adalah penyudah sekalian rasul¹. Tugas membimbing dan memimpin ummah diwariskan kepada para ulama. Mereka adalah pewaris nabi. Oleh itu, kehadiran ulama dalam masyarakat harus disedari kerana mereka adalah petunjuk jalan kebenaran dan pengawal kemurnian agama daripada sebarang rupa bentuk penyelewengan².

Alam Melayu telah menerima kemasukan Islam sejak kurun ke-13M³ tetapi pengamalan Islam bercampur dengan anutan Hinduisme. Misalnya, di Melaka pada abad ke-15M, sukar untuk membezakan orang Islam dengan bukan Islam. Orang Islam berkahwin dengan bukan Islam tanpa menukar agama. Begitu juga orang Islam masih memakan daging anjing dan meminum arak secara terbuka⁴.

Keadaan yang berlaku dalam masyarakat Islam Melaka turut berlaku dalam masyarakat Islam Kedah sehingga berlaku penaklukan Aceh ke atas Kedah pada tahun 1617M. Berlakunya keadaan *talbis*⁵ atau bercampur antara yang hak dengan yang batil, menjadi sebab Aceh menyerang dan menakluk Kedah untuk mengembalikan ajaran Islam yang sebenar. Setelah kemasukan Aceh dan

¹ Al-Qur'an, Surah al-Ahzab (33): 40.

² Shukri Ahmad (2001). "Pengaruh Pemikiran Ulama di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Suatu Tinjauan". Di bentangkan pada Konvensyen Ulama Nusantara pada 10 November 2001, Dewan Besar Menara Zakat, Alor Setar, hlm. 1

³ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989). *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Petaling Jaya: Penerbitan Pena, hlm. 92

⁴ Shukri Ahmad (2001). *op.cit*, hlm. 6

⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989). *op.cit*, hlm. 97

penghantaran kitab *Sirāt al-Mustaqīm* dan *Bāb al-Nikāh* karangan Syeikh Nuruddīn al-Ranīrī sebagai kitab panduan beragama pada tahun 1640-an, Islam kembali berkembang dan berpengaruh di Kedah⁶.

Sejarah perkembangan Islam di Nusantara bahkan di mana-mana tempat juga banyak dipengaruhi peranan ulama. Oleh itu, peranan ulama dan karya mereka dalam mengukuhkan ajaran Islam sejak dahulu hingga kini adalah sesuatu yang tidak boleh dipandang ringan. Sebahagian ulama berdakwah secara lisan dan sebahagian pula berdakwah dengan lisan dan tulisan. Dengan sebab itu, terdapat ratusan ribu karya/kitab agama dihasilkan oleh ulama-ulama Islam seluruh dunia. Budaya menulis ini juga turut diikuti oleh ulama Alam Melayu sejak mereka memperkenalkan Islam kepada masyarakat sehingga ke hari ini⁷.

Para ulama telah menyebarkan ajaran Islam dengan segala kemampuan yang mereka miliki. Sebahagian mereka telah mengakhiri tugas kerana kembali kepada Allah dan sebahagian lagi masih meneruskan usaha menyebarkan ajaran Islam. Antara ulama yang telah kembali kepada Allah pada akhir abad ke-20 ini ialah Abu Bakar Palestin (1908-1998). Beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang berupa karya-karya ilmiah dalam pelbagai disiplin keilmuan Islam. Karya beliau tidak kurang daripada 40 buah sebagai warisan untuk umat Islam. Sehubungan itu, penyelidik akan cuba untuk mendedahkan beberapa aspek penting tentang tokoh ini kepada masyarakat khususnya karya-karya usuluddin beliau. Kajian ini secara amnya akan menyentuh latar belakang, karya-karya, metodologi usuluddin dan beberapa pemikiran penting tokoh ini.

⁶ Shukri Ahmad (2001). *op.cit*, hlm. 5-6

⁷ Mahayudin Hj. Yahaya (1994), *Naskah Jawi Sejarah Dan Teks Jilid 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 16

2.0 PENYATAAN MASALAH

Abu Bakar Palestin adalah salah seorang tokoh ulama di utara semenanjung yang mempunyai keilmuan yang hebat. Hasil karya beliau tidak kurang daripada 40 buah. Karya-karya beliau menyentuh hampir kesemua bidang disiplin ilmu Islam seperti akidah, fekah, tasawuf, sirah, hadis dan politik. Di samping itu, beliau juga adalah tok guru bagi Pondok Ayer Hitam dan juga pengasas Madrasah Nurul Islam, sebuah sekolah menengah agama rakyat.

Sungguhpun begitu, Abu Bakar tidak menonjol sebagai tokoh agama kebangsaan yang kemasyhurannya melepassi sempadan negeri seperti Dawud al-Fatāni (1769-1847), Tok Pulai Chondong (1792-1873), Tok Wan Ali Kutan (1837-1913), Tok Kenali (1868-1933), Tok Selehong (1871-1935), 'Uthman Jalaluddin (1880-1952), Tuan Hussain Kedah (1936-1963) dan lain-lain lagi. Abu Bakar dari segi keilmuan dan hasil karya adalah setanding dengan ulama-ulama tersebut. Bahkan ketokohan Abu Bakar dalam bidang penulisan boleh menyaingi ketokohan seorang ulama terkenal di Semenanjung iaitu Hussain bin Muhammad Nasir atau Tuan Hussain Kedah yang telah menghasilkan 18 buah kitab⁸.

Abu Bakar boleh dikatakan hanya dikenali oleh masyarakat tempatan atau sekitar Kedah Utara dan Perlis. Sesetengah para pengkaji sejarah tempatan mungkin tidak mengenali tokoh ini. Andaian ini berdasarkan tidak ditemui penulisan tentang Abu Bakar sama ada tentang biografi ataupun hasil karya beliau yang dilakukan

⁸ Shukri Ahmad (2001), "Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah: Tumpuan kepada karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Palestin, Hanafiah Taib al-Qadhi (1908-1998M)" dlm. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 13, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 104

oleh ahli sejarah tempatan. Jika adapun tulisan tentang Abu Bakar, ia hanyalah tulisan ringkas yang disisipkan dalam kertas kerja ataupun jurnal⁹.

Masyarakat lebih mengenali Abu Bakar sebagai seorang ulama pondok sahaja ataupun tok guru pondok. Tidak ramai yang mengenali beliau melepas sempadan tersebut. Oleh itu, kajian mengenai ketokohan beliau perlu dilakukan oleh para penyelidik. Terdapat dua perkara penting perlu dilakukan segera. Pertamanya, mengkaji latar belakang kehidupan beliau kerana sudah banyak sumber-sumber perimer yang hilang khususnya sahabat-sahabat seperguruan. Tambahan pula Abu Bakar meninggal pada usia yang agak lanjut iaitu ketika berumur 90 tahun. Oleh itu sukar untuk mengambil data-data sejarah beliau dari sahabat-sahabat beliau. Begitu juga anak murid yang mula-mula belajar dengan beliau kerana kebanyakannya mereka telahpun meninggal.

Kedua, hasil-hasil karya Abu Bakar yang berharga meliputi berbagai disiplin ilmu Islam. Sekarang ini, karya-karya beliau ada berserakan dalam simpanan anak murid beliau. Oleh itu, perlu ada usaha untuk mengumpul semua hasil karya beliau. Jika tidak diambil tindakan segera, manuskrip ini akan hilang atau musnah dalam simpanan. Karya-karya ini penting sebagai dokumen untuk mengkaji dan menilai seseorang tokoh. Tetapi yang lebih merugikan ialah kehilangan nilai ilmu dan maklumat yang terkandung dalam kitab-kitab tersebut.

Tidak keterlaluan jika dikatakan karya Abu Bakar mungkin merupakan antara karya-karya terakhir kitab jawi abad ke-20 kerana penulisan ulama-ulama

⁹ Shukri Ahmad adalah sarjana yang banyak menulis mengenai Abu Bakar, tetapi secara ringkas sahaja. Namun begitu, penyelidik banyak merujuk tulisan beliau dalam disertasi ini.

mutakhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 tidak lagi menggunakan metode penulisan kitab jawi bahkan mereka menulis dengan menggunakan metode penulisan ilmiah semasa. Oleh itu, menjadi satu kemestian bagi kita untuk menyelamat karya Abu Bakar.

Semua karya Abu Bakar perlu kepada kajian yang mendalam khususnya karya usuluddin beliau. Satu pertiga atau 13 buah hasil karya beliau adalah dalam bidang usuluddin. Dapat dikatakan bidang usuluddin atau akidah merupakan bidang yang paling digemari oleh beliau dan beliau mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Oleh itu, bidang ini perlu diberikan tumpuan khusus kerana masalah ummah banyak berkaitan dengan akidah.

Penelitian awal mendapati Abu Bakar cenderung kepada fahaman Salaf khususnya pemikiran Abū al-Hasan al-Asy'arī¹⁰. Tetapi dalam perbahasan akidah ketuhanan, beliau dilihat cenderung menggunakan pendekatan Asyā'irah iaitu pendekatan Sifat Dua Puluh. Pendekatan ini dikemukakan oleh seorang ulama Asyā'irah iaitu Muḥammad bin Yusuf bin ‘Umar bin Syu‘āyb al-Sanūsi (m. 895H/1490M) melalui kitab beliau yang terkenal *Umm al-Barāhīn*. Jika Abu Bakar benar-benar berfahaman Salafi, perbahasannya tentulah secara pendekatan Salafi seperti yang dibahaskan oleh Imam Abu Hanifah (80-150H) dalam *al-Fiqh al-Akbar*. Oleh yang demikian, adakah Abu Bakar mengambil pendekatan menserasikan antara Salaf dan Asyā'irah?

¹⁰ Abu Bakar (t.t), *Sabil al-I'tiqādiyyāh*, manuskrip, hlm. 21. Lihat juga: *idem*, (t.t) *Syarh al-'Aqīdah*, manuskrip, hlm. 1

Selain itu, perlu juga ditinjau mengapa Abu Bakar memilih aliran Asyā'irah, bukan Mātūrīdiyyah. Apakah kelebihan Asyā'irah berbanding Mātūrīdiyyah? Apakah disebabkan masyarakat Islam di Alam Melayu telah berpegang dengan fahaman Asyā'irah, lalu Abu Bakar turut bersama memegang aliran ini dan memperkuatkannya. Oleh itu, kajian ini akan cuba meneliti persoalan tersebut dan seterusnya mendedahkan pemikiran tokoh ulama ini kepada masyarakat supaya ia dikenali dan tidak hilang ditelan zaman.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneliti latar belakang kehidupan Abu Bakar.
2. Meneliti semua hasil karya Abu Bakar.
3. Mengkaji pendekatan karya usuluddin Abu Bakar.
4. Mengkaji pemikiran usuluddin Abu Bakar.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tentang metode usuluddin ulama tradisional abad ke-20 khususnya karya usuluddin Abu Bakar Palestin adalah penting kerana beberapa alasan tertentu. Pertama, kajian mengenai Abu Bakar Palestin hampir belum diterokai oleh para pengkaji sama ada pengkaji tempatan ataupun luar negara. Banyak perkara yang belum dibongkar mengenai Abu Bakar. Oleh itu, kajian awal ini diharap boleh

menjadi pembuka jalan untuk mengundang pengkaji-pengkaji lain menjalankan kajian lanjut mengenai Abu Bakar.

Kedua, ia bertujuan mendedahkan ketokohan Abu Bakar kepada masyarakat sebagai salah seorang ulama abad ke-20. Beliau adalah setanding dengan ulama-ulama tersohor Alam Melayu walaupun kebanyakan masyarakat tempatan hanya mengenali Abu Bakar sebagai seorang tuan guru pondok yang warak dan zuhud.

Ketiga, ia akan mendedahkan semua hasil karya Abu Bakar kepada masyarakat. Hasil karya beliau tidak kurang daripada 40 buah dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Pendedahan ini penting untuk memaklumkan kepada masyarakat supaya karya-karya ini dapat dimanfaatkan sama ada sebagai teks pengajian ataupun rujukan.

Keempat, kajian dalam bidang usuluddin atau akidah adalah antara kajian teras dalam agama bahkan bidang usuluddin adalah asas dan teras kepada disiplin-disiplin ilmu Islam yang lain¹¹. Abu Bakar telah menulis sekurang-kurangnya 13 buah karya mengenai akidah. Malah bidang akidah merupakan karya yang paling banyak dihasilkan oleh Abu Bakar berbanding karya dalam bidang yang lain.

Kelima, kajian metodologi penting kerana ia dapat menjelaskan arah dan sikap¹² atau pegangan dan fahaman seseorang. Kajian metodologi ini boleh membuktikan secara ilmiah aliran faham akidah Abu Bakar.

¹¹ Mohamad Kamil Ab. Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 148

¹² Abdul Shukor bin Haji Husin, "Ahli Salaf Menurut Perspektif Ulama al-Kalam" dlm. Mohammed Yusoff Hussain et al., (1993). *Isu-isu Dalam Usuluddin Dan Falsafah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 105

Keenam, kajian metodologi adalah kurang berbanding kajian biografi. Oleh itu, kajian ini penting sebagai galakan kepada pengkaji akan datang untuk menerokai kajian metodologi.

5.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini secara khususnya akan menyentuh perkara-perkara berikut:

1. Kajian ini akan menyentuh secara sepintas lalu biografi Abu Bakar tanpa perincian sejarah kerana kajian ini adalah kajian metodologi bukan kajian biografi¹³.
2. Kajian ini hanya terbatas kepada karya Abu Bakar yang berhubung dengan bidang usuluddin sahaja dengan tidak memberi penekanan kepada karya-karya beliau dalam bidang-bidang yang lain seperti fekah, tasawuf, sirah dan politik.
3. Perkara yang akan diteliti adalah metodologi yang digunakan dalam penulisan karya usuluddin beliau. Ini kerana, kajian metodologi dapat menjelaskan arah dan sikap¹⁴ seseorang.
4. 11 buah karya beliau yang berhubung dengan usuluddin akan dijadikan bahan penelitian secara khusus iaitu:
 - a. *Kitāb al-Wahīd fī Bayān ‘Ilm al-Tawhīd*
 - b. *Jam’ al-Lāli bi Tawdīḥ Manzūmah Bada’ al-Amāli*
 - c. *Bidāyat al-‘Ābidīn Hiya Ma’rifah Allāh Rabb al-‘Ālamīn*

¹³ Imam Barnadib (1982) *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yonyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP Yonyakarta, hlm. 79. Kajian biografi juga menjelaskan pemikiran dan karya yang dihasilkan. Penyelidik akan memperincikan karya beliau pada bab 2 dan bab 3. Manakala pemikiran pada bab 4.

¹⁴ Abdul Shukor bin Haji Husin (1993) *op.cit*, hlm. 105

- d. *Al-Fatḥ al-Rabbānī Syarḥ Bakūrah al-Amāni*
- e. *Sahl al-Murīd bi Syarḥ Qawā'id al-'Aqā'id*
- f. ~ *Terjemah al-Fiqh al-Akbar*
- g. *Syarḥ al-'Aqīdah al-Ṣāḥīḥāh fī Bayān al-Firqah al-Nājiyah*
- h. *Tawḥīd al-Abraar bi Syarḥ Nuẓūm Muḥammad al-Bisyār*
- i. *Syarḥ al-'Aqīdah pada huraian Naẓām al-Jawharah*
- j. *Tawdīh al-Afḥām bi Syarḥ 'Aqīdah al-'Awwām*
- k. *Sabīl al-I'tiqādiyyāh bi Syarḥ Risālah al-Qudsīyyah*

Sementara itu, dua buah karya usuluddin beliau tidak dapat dirujuk kerana tidak dapat dikesan teksnya. Dua buah karya yang dimaksudkan ialah:

- a. *al-Dā'iyy li al-Salām fī 'Aqā'id Ahl al-Islām*
- b. *Syarḥ 'Aqīdah al-Taḥāwīyyah*

6.0 ULASAN KARYA

Kajian tentang ulama-ulama Alam Melayu berhubung biografi, karya dan metodologi telah dilakukan oleh beberapa orang penyelidik sebelum ini. Kajian-kajian tersebut telah didokumenkan sama ada dalam bentuk buku ataupun kertas kerja yang telah dibentangkan dalam beberapa seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kajian berbentuk biografi tokoh merupakan kajian yang paling banyak ditulis berbanding dengan bidang-bidang yang lain seperti kajian metodologi dan

epistemology (*theory of knowledge*)¹⁵. Bahkan sudah ada beberapa buah buku mengenai biografi ulama Semenanjung Malaysia.

Namun begitu, kajian mengenai Abu Bakar sama ada dari sudut biografi, karya dan metodologi amat terhad. Keadaan ini mungkin disebabkan beliau baru sahaja meninggal dunia (1998) atau beliau tidak tersohor seperti Syeikh Daud al-Fatani¹⁶. Oleh itu, Abu Bakar perlu diperkenalkan supaya masyarakat dapat mengenali beliau seperti mereka mengenali tokoh-tokoh ulama yang lain.

Satu tulisan ringkas tentang biografi Abu Bakar pernah dihasilkan semasa hayat beliau. Tulisan ringkas satu muka surat itu telah dimuatkan dalam sebuah majalah sekolah iaitu *Penggerak Minda*¹⁷. Tulisan ini mungkin merupakan tulisan terawal tentang biografi Abu Bakar. Ini kerana, tulisan-tulisan berikutnya mengenai Abu Bakar seperti tulisan Shukri Ahmad, Ahmad Naim Jusoh dan Rabaiyah Juhari, adalah merujuk kepada fakta dalam tulisan tersebut.

Selain itu, Abu Bakar sendiri selalu mencatatkan secara ringkas beberapa maklumat diri dan pengalaman beliau pada sesetengah karya beliau. Misalnya, beliau menjelaskan silsilah keturunannya yang berasal dari Patani¹⁸ dan tarikh

¹⁵ Shukri Ahmad (2002). Ulama dan Peranan Mereka di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20. Ph.D Disertasi : Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, hlm. 16

¹⁶ Banyak penulisan tentang tokoh ini. Antaranya tulisan Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1996), "Riwayat Hidup Ringkas dan Hasil Karya Sheikh Daud al-Fatani" dlm. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Koleksi Kertas Kerja Ilmiyah Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990-1996)*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. Lihat juga: Ismail Che Daud (1996) "Syeikh Daud al-Fatani (1769-1847)" dlm. Ismail Che Daud (1996) *Tokoh-tokoh ulama Semenanjung*. Jld. 1 Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan hlm. 1-40.

¹⁷ *Penggerak Minda* (1995), Majalah Sekolah, Alor Setar: Madrasah Nurul Islam, Ayer Hitam

¹⁸ Abu Bakar Haji Hanafiah (t.t.). *Jam' al-Lâli*, manuskrip, hlm. kulit kitab.

masuk dan keluar beliau dari Palestin¹⁹. Maklumat-maklumat ini biasanya ditulis secara tidak langsung dalam karya-karya beliau.

Di samping itu, ada dua tulisan ilmiah oleh mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai Abu Bakar. Tulisan pertama oleh Ahmad Naim bin Jusoh berkenaan peranan dan sumbangan Madrasah Nurul Islam terhadap perkembangan syiar Islam di Negeri Kedah²⁰. Tulisan ini turut memuatkan secara ringkas biografi pengasas madrasah ini iaitu Abu Bakar Palestin.

Manakala tulisan kedua oleh Rabaiyah Juhari menyentuh peranan dan sumbangan Abu Bakar dalam mengembangkan syiar Islam di Ayer Hitam²¹. Kajian ini hampir kepada kajian biografi Abu Bakar tetapi secara ringkas. Hingga kini masih belum ditemui satu penulisan bertaraf sarjana mengenai biografi Abu Bakar.

Satu artikel mengenai Abu Bakar pernah ditulis oleh Shukri Ahmad²². Beliau telah mencatatkan beberapa maklumat baru tentang Abu Bakar khususnya guru-guru beliau semasa belajar di Makkah dahulu. Beliau juga menyentuh tentang peranan Abu Bakar dalam pendidikan khususnya pembukaan Pondok Ayer Hitam dan Madrasah Nurul Islam²³.

¹⁹ Abu Bakar Haji Hanafiah (t.t). *al-Fath al-Rabbāni*, manuskrip, hlm. 58.

²⁰ Ahmad Naim bin Jusoh (1998-1999). "Madrasah Nurul Islam, Air Hitam, Kedah : Peranan dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Syiar Islam Di Negeri Kedah". Latihan Ilmiah : Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 17-19

²¹ Rabaiyah Juhari (2002). "Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah: Peranan dan Sumbangan Beliau Dalam Mengembangkan Syiar Islam di Ayer Hitam, Kedah". Latihan Ilmiah: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

²² Shukri Ahmad (2001). *op.cit*.

²³ Shukri Ahmad (2002). *ibid*, hlm. 170-173

Sementara itu, kajian mengenai karya-karya Abu Bakar masih belum disentuh oleh para penyelidik kecuali oleh Shukri, walaupun secara sepintas lalu²⁴. Beliau telah menemui sekitar 20 buah hasil karya Abu Bakar sedangkan karya beliau tidak kurang daripada 40 buah dalam pelbagai bidang keilmuan Islam. Shukri mengkelaskan karya Abu Baker kepada 5 bidang utama iaitu akidah, fekah dan tasawuf, hadith, sirah dan politik²⁵. Shukri juga pernah mengulas metodologi karya Abu Bakar yang menggunakan pendekatan Syariat Sunni dan pendekatan akidah sifat dua puluh serta pendekatan tasawuf neo-sufisme al-Ghazali²⁶. Shukri boleh dianggap antara sarjana dan penyelidik terawal mengenai Abu Bakar khususnya berkaitan karya dan metodologi²⁷.

Daripada sorotan karya yang telah dijelaskan, didapati kajian mengenai Abu Bakar sama ada dari sudut biografi, karya dan metodologi masih banyak yang belum diterokai. Kajian-kajian lepas banyak memberi tumpuan kepada ulama-ulama silam yang tersohor. Kajian ini akan berusaha menonjolkan Abu Bakar sebagai tokoh ulama yang prolifik pada zamannya. Hasil karya beliau yang banyak membuka ruang kepada pengkaji untuk meneliti karya beliau daripada pelbagai sudut. Banyak bidang yang boleh diteliti mengenai tokoh ini. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memberi tumpuan kepada metodologi usuluddin beliau.

²⁴ Shukri Ahmad (2001). *op.cit*, hlm. 101-105

²⁵ *ibid*, hlm. 101-105

²⁶ Shukri Ahmad (2002). *op.cit*, hlm. 170-173

²⁷ *ibid*, hlm. 101-105

7.0 METODOLOGI KAJIAN.

Metodologi merupakan elemen terpenting dalam sesuatu kajian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian²⁸. Oleh itu, setiap bidang penyelidikan mempunyai metodnya yang tersendiri²⁹.

Pada asasnya, kajian ini adalah kajian kualitatif. Kajian ini akan menekankan data yang bersumberkan kajian perpustakaan (*Library Research*). Namun, kajian ini akan dibantu dengan data lapangan yang diperolehi daripada kajian lapangan (*Field Work*). Secara khususnya, data yang diperolehi terdiri daripada data primer³⁰ dan data sekunder³¹.

a. Data Primer

Terdapat tiga data primer dalam kajian ini iaitu teks karya, temu bual dan gambar.

1. Teks Karya

Teks karya Abu Bakar merupakan data yang paling penting dalam kajian ini khususnya karya usuluddin. Penyelidik telah mendapatkan

²⁸ Koentjaraningrat (1991), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, hlm. 7

²⁹ Mahyudin Haji Yahaya (1994). *op.cit*, hlm. xi

³⁰ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 75. Data primer atau data utama ialah sumber-sumber yang ada kaitan secara langsung dengan kajian ini seperti karya asal, temubual, observasi dan seumpamanya

³¹ Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 33. Data sekunder ialah data yang diambil daripada sumber selain daripada data utama.

hampir kesemua karya Abu Bakar dalam pelbagai bidang seperti usuluddin, tasawuf, fekah, hadith dan sirah. Walau bagaimanapun, ada beberapa buah karya Abu Bakar gagal ditemui termasuklah karya politik yang dipercayai sebanyak 2 buah. Kesemua karya Abu Bakar tidak kurang daripada 40 buah.

Untuk mendapatkan karya tersebut, penyelidik telah mengunjungi Pondok Ayer Hitam tempat Abu Bakar mengajar untuk berjumpa dengan individu tertentu khususnya anak murid Abu Bakar yang menyimpan karya atau manuskrip³² beliau. Semua karya ini terlebih dahulu diteliti untuk memastikan kesemua manuskrip yang diteliti adalah hasil karya Abu Bakar. Penyelidik menggunakan dua kaedah untuk mengenalpasti karya Abu Bakar. Pertama, meneliti bentuk tulisan tangan (*khat*) yang digunakan dalam manuskrip. Kesemua manuskrip tersebut didapati menggunakan bentuk tulisan tangan Abu Bakar sendiri. Kedua, penelitian laras bahasa. Karya yang ditemui diteliti laras bahasanya kemudian dibandingkan dengan karya-karya beliau yang lain.

Seterusnya semua karya Abu Bakar yang berjaya ditemui dan dikenalpasti, dianalisis kandungannya (*content analysis*)³³ khususnya karya usuluddin. Analisis kandungan merupakan salah satu kaedah

³² Karya Abu Bakar kebanyakannya masih dalam bentuk tulisan tangan beliau sendiri. Karya-karya tersebut di buat salinan fotokopi dalam bentuk nota.

³³ Idris Awang (2001), *op.cit.* hlm. 37-39. *Content analysis* atau analisa kandungan dilakukan terhadap sesuatu teks/karya tertentu atau juga terhadap beberapa buah teks. Tujuannya adalah untuk membuat deskripsi kuantitatif. Analisa kuantitatif terhadap sesuatu teks akan menghasilkan fakta yang tidak diwarnai oleh emosi, sentimen, sikap dan sebagainya.

penyelidikan yang popular digunakan oleh para pengkaji³⁴. Penyelidik menggunakan metode ini untuk meneliti metodologi usuluddin yang digunakan oleh Abu Bakar.

2. Temu bual

Dokumen bertulis mengenai latar belakang Abu Bakar amat terhad.

Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah temu bual secara *guided interview*³⁵ dengan responden yang telah dikenal pasti terlebih dahulu.

Responden yang dipilih berdasarkan kriteria berikut:

1. Mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Abu Bakar.
2. Merupakan anak murid yang dekat serta lama belajar dengan beliau.
3. Individu yang pernah berhubung dengan beliau secara langsung seperti sahabat-sahabat lama. Lebih daripada 10 orang responden telah ditemu bual.

Semasa temu bual dengan responden untuk mengkaji latar belakang Abu Bakar sejak kecil sehingga meninggal, penyelidik menghadapi masalah yang agak rumit iaitu untuk memastikan beberapa tarikh atau tahun dengan tepat. Responden selalu mengemukakan tarikh umum seperti sebelum perang Jepun, selepas merdeka dan seumpamanya.

Responden tidak mempunyai dokumen bertulis. Kebanyakan

³⁴ Syed Arabi Idid (1992), *op.cit.* hlm. 119.

³⁵ Lihat lampiran C: Soalan Wawancara. Lihat juga: Syed Arabi Idid (1992), *ibid*, hlm. 69-86. Ada beberapa jenis temu bual seperti temu bual semuka, temu bual melalui telefon dan tinjauan melalui pos. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah temu bual semuka kerana responden kebanyakannya berada di sekitar tempat kajian iaitu di kawasan Ayer Hitam.

responden hanya merujuk kepada ingatan atau dalam bentuk jangkaan sahaja. Namun begitu, diharapkan kronologi kehidupan Abu Bakar yang berjaya didokumenkan dapat menjadi landasan untuk kajian akan datang bagi memperinci dan mentashihkan data-data yang telah dikemukakan.

3. Gambar

Pengkaji telah mendapatkan beberapa keping gambar Abu Bakar semasa muda dan tua. Begitu juga gambar kedua ibu bapa beliau. Gambar-gambar tersebut diperolehi daripada simpanan Cik bt. Saad iaitu anak saudara sepupu Abu Bakar. Gambar adalah dokumen penting untuk melengkapkan biografi tokoh yang dikaji.

b. Data Sekunder

Selain data primer, penyelidik juga menggunakan data sekunder dengan merujuk kepada tulisan daripada para sarjana dan juga penulis lain sama ada dari dalam dan juga luar negeri untuk menyokong kajian ini. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat daripada bahan sejarah Islam khususnya berkaitan dengan ulama Alam Melayu kurun ke-20. Bahan-bahan ini terdiri daripada buku, jurnal, kertas kerja dan majalah. Segala rujukan mengenai Abu Bakar dan pemikirannya yang dapat ditemui semasa kajian ini dilakukan dimasukkan dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif dan kritis. Kajian ini boleh diklasifikasikan sebagai kombinasi antara kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

8.0 SUSUNAN PENULISAN

Untuk melihat keseluruhan kajian, penyelidik akan menjelaskan susunan penulisan yang akan digunakan.

Penyelidik akan membahagikan disertasi ini kepada lima bab. Pada bab pertama, penyelidik akan memperkenalkan tokoh yang meliputi nama, keturunan, pengajian, pengalaman, kelebihan, karya dan lain-lain.

Bab yang kedua pula akan menyentuh hasil-hasil karya Abu Bakar dalam semua bidang seperti usuluddin, fekah, tasawuf, sirah, hadis dan politik.

Bab yang ketiga penyelidik akan meneliti pendekatan karya usuluddin Abu Bakar.

Bab keempat pula, penyelidik akan meneliti pemikiran usuluddin Abu Bakar dan pandangan beliau terhadap aliran dan fahaman lain.

Seterusnya pada bab kelima iaitu bab yang terakhir, penyelidik akan membuat beberapa rumusan daripada kajian ini serta mengemukakan cadangan-cadangan yang difikirkan perlu.